

NO. SOALAN : 48

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KETIGA BELAS (2016)
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATIN MASTURA BINTI MOHD YAZID
[KUALA KANGSAR]**

TARIKH : 10 NOVEMBER 2016 (SELASA)

SOALAN :

Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah peratusan atau pecahan penggunaan wang yang terkumpul di dalam Baitulmal.

JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Butiran 1, Senarai 2, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan menetapkan bahawa hal-ehwal agama Islam termasuklah urusan Baitulmal terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri yang dikendalikan oleh Majlis Agama Islam Negeri masing-masing.

Setiap kerajaan negeri mempunyai sistem pengurusan harta baitulmal yang terdiri daripada harta wakaf, zakat dan sumber am mengikut kesesuaian dan pertimbangan di negeri masing-masing. Saya percaya

kerajaan negeri telah, sedang dan akan mengambil tindakan terbaik dari semasa ke semasa mengikut kemampuan masing-masing bagi mengendalikan dan meningkatkan perkhidmatan pengurusan baitulmal. Maklumat mengenainya bolehlah dirujuk kepada Majlis Agama Islam Negeri masing-masing.

Di Wilayah Persekutuan, urusan Baitulmal diletakkan di bawah Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP). Harta Baitulmal di Wilayah Persekutuan adalah terdiri aset tetap iaitu hartanah yang dibangunkan untuk tujuan pendidikan, perlindungan, kebajikan, kesihatan dan prasarana umat Islam serta harta semasa. Nilai dan jumlah harta boleh dirujuk di dalam laporan tahunan dan penyata kewangan diaudit yang dibentangkan pada setiap tahun di dewan yang mulia ini.

Sehingga 31.12.2015, sebanyak 80.46% (RM608.7 juta) dari penggunaan wang yang terkumpul di Baitulmal MAIWP adalah untuk tujuan agihan secara langsung kepada Asnaf. Manakala 5.56% (RM42 juta) adalah untuk tujuan projek pembangunan untuk asnaf, 13.77% (RM104.2 juta) untuk belanja pengurusan MAIWP dan 0.21% (RM1.6 juta) untuk perbelanjaan harta modal.

Sekian, terima kasih.